

FAQ MATTE TRASLUCENT POWDER

1. Apakah perbezaan produk ini dengan setting powder?

SMOOTH FOCUS SETTING POWDER	MATTE TRASLUCENT POWDER
<ol style="list-style-type: none">1. Bertesktur halus dan ringan2. Berbentuk padat dan bedak jenis 'pressed'3. Berkemasan matte.4. Tidak memberi kesan berdebu kepada solekan.5. Bantu 'set' atau 'mengunci' kemasan solekan agar dapat bertahan sepanjang hari.6. Bantu mengawal kilatan dan pengeluaran sebum dari kulit wajah.7. Bantu menyamakan tampilan pori, garis halus dan kedutan wajah.8. Bantu beri efek brightening pada kulit9. Bersifat translucent dimana ia sesuai dengan semua tona wajah.10. Sesuai dijadikan sebagai bedak harian.11. Sesuai dijadikan sebagai bedak 'touch up'.12. Buat solekan jadi sangat natural dan lembut.13. Digunakan selepas penggunaan bedak asas14. Sesuai untuk kulit berminyak dan kombinasi.15. Bebas Paraben & Pewangi tambahan.	<ol style="list-style-type: none">1. Bertesktur halus dan ringan.2. Berbentuk loose dan tabur.3. Berkemasan matte.4. Tidak akan menyebabkan solekan nampak berdebu.5. Bantu 'set' atau 'mengunci' kemasan solekan agar dapat bertahan sepanjang hari.6. Bantu mengawal kilatan dan pengeluaran sebum dari kulit wajah.7. Bantu menyamakan tampilan pori, garis halus dan kedutan wajah.8. Bersifat translucent dimana ia sesuai dengan semua tona wajah.9. Sangat sesuai dijadikan sebagai finishing powder dan baking powder.10. Sesuai dijadikan sebagai bedak harian.11. Menjadikan solekan kelihatan 'soft' dan 'natural'.12. Digunakan selepas penggunaan bedak asas.13. Hadir dengan puff lembut untuk bauran sempurna keseluruhan wajah.14. Sesuai untuk semua jenis kulit terutamanya kulit berminyak dan kombinasi.15. Bebas Paraben dan Pewangi tambahan.

2. Adakah 'coverage' produk ini mampu menutup parut jerawat?

Matte Translucent Powder bersifat light to sheer coverage. Ia tidak dirumus untuk bantu menutup parut dan jerawat. Matte Translucent Powder ni dikhaskan untuk bantu elakkan solekan jadi luntur akibat sebum dari kulit wajah dan bantu menyamarkan penampilan pori dan garis kedutan. Ia juga bantu untuk 'set' solekan agar dapat bertahan sepanjang hari.

3. Adakah produk ini sesuai bagi pengguna berkulit kering? Atau akan memberi kesan tompokkan pada bahagian yang mengelupas?

Matte Translucent Powder ni sesuai untuk semua jenis kulit dan digalakkan penggunaannya bagi mereka yang ada masalah kulit berminyak dan kombinasi. Bagi yang ada masalah kulit kering, Matte Translucent Powder ni tak akan buat wajah jadi kering walaupun berkemasan matte, ia juga tak akan menyebabkan solekan jadi bercapuk atau creasing.

4. Adakah pengguna boleh menggunakan 'mattifying setting spray' selepas menggunakan produk ini? Atau tidak perlu kerana produk ini juga bertekstur matte?

Ya boleh. Penggunaan Mattifying Setting Spray dan Matte Translucent Powder ni akan bantu agar solekan tahan lebih lama lagi pada wajah. Akan tetapi, ketahanan solekan dari menjadi bercapuk selepas penggunaan primer adalah bergantung kepada jenis kulit individu dan persekitaran.

5. Adakah produk ini sesuai digunakan selepas pearl cream?

Ya. Bagi yang tidak menggunakan foundation, boleh gunakan Matte Translucent Powder ini selepas menggunakan Pearl Cream lebih-lebih lagi untuk mereka yang memiliki kulit jenis berminyak dan kombinasi. Penggunaan Matte Translucent Powder dan Pearl Cream akan buat wajah nampak sangat natural dan elakkan kulit jadi terlalu berminyak dan berkilat.

6. Adakah produk ini mempunyai spf?

Tidak. Matte Translucent Powder tidak diformulasi bersama SPF. Sebaiknya gunakan sunscreen setiap hari untuk bantu lindungi kulit dari sinar UV yang merbahaya.

APA ITU MATTE TRANSLUCENT POWDER

- Matte Translucent Powder ini adalah sejenis bedak tabur yang diperkaya dengan formula menyerap minyak disamping membantu menyamarkan penampilan pori dan garis halus pada wajah.
- Teksturnya yang halus dan ringan ini memberi kemasam 'matte' kepada solekan dan tidak akan meninggalkan kesan berbelak pada wajah serta mampu bertahan sepanjang hari.
- Hadir dengan 2 tona global yang disesuaikan untuk semua jenis kulit untuk kemasam solekan yang sempurna.
- Kod 'Natural' membantu mengekalkan kesempurnaan solekan, mengawal kilatan wajah, menyamarkan tampilan pori dan garis halus, mengelakkan solekan jadi bercapuk disamping menyerikan kompleks wajah supaya kelihatan segar dan sempurna sepanjang hari.
- Kod 'Nude' membantu mengekalkan kesempurnaan solekan, mengawal kilatan wajah dan mengelakkan solekan jadi bercapuk disamping membantu meneutralkan kemerahan, menyamarkan tampilan pori dan garis halus serta menyekatakan tona kulit wajah.
- Matte Translucent Powder ini tidak mengandungi paraben dan sesuai untuk semua jenis kulit terutamanya untuk mereka yang memiliki kulit jenis kombinasi dan berminyak.
- Matte Translucent Powder ni boleh dibaurkan ke seluruh wajah dan bagi yang ada masalah kulit berminyak tu boleh lebihkan bauran pada kawasan terlibat.

BAHAN UTAMA MATTE TRANSLUCENT POWDER

Silica, Aluminum Starch Octenylsuccinate, Talc, Mica, Dimethicone. May contain - Acid Yellow 23 Aluminum Lake, CI 77492, CI77499, CI77491 (Berat: 15g)

- **SILICA**
 - Menyerap minyak dan peluh untuk kemasam solekan sempurna sepanjang hari.
 - menyamarkan pori, garis halus dan kedutan
 - Mengelakkan solekan dari bercapuk dan berbelak.
- **ALUMINUM STARCH OCTENYLSUCCINATE**
 - Memberi kemasam 'matte' kepada solekan
 - Mengawal kilatan wajah akibat sebum dan peluh.

KELEBIHAN MENGGUNAKAN 'LOOSE POWDER' DALAM SOLEKAN

- Loose powder atau bedak tabur adalah jenis bedak yang teksturnya lebih ringan dan lembut daripada bedak padat. Loose Powder juga sangat bagus digunakan untuk 'set' foundation dan concealer supaya solekan tak jadi 'cakey' dan 'creasing'. Ia juga bantu untuk buat solekan tahan lebih lama sepanjang hari.
- Loose Powder ni biasanya diformulasi agar dapat membantu menyerap minyak berlebihan dengan baik, dan biasanya penggunaan bedak jenis ini sangat sesuai untuk mereka yang ada masalah kulit berminyak dan kombinasi.
- Selain bantu untuk kawal kilatan dan minyak berlebihan pada kulit wajah, Loose Powder ini juga bantu untuk menyamarkan penampilan pori, garis halus dan kedutan pada wajah.
- Kemasan Loose Powder yang sangat halus dan ringan ni akan buat kemasan solekan jadi sangat natural. Loose Powder sangat digunakan sebagai bedak harian walaupun tidak memakai foundation. Bagi yang jenis tak suka bersolek, tapi tak mahu wajah kelihatan terlalu 'bare' boleh gunakan Loose Powder selepas pemakaian sunscreen. Ia akan bantu kawal minyak dan samarkan penampilan pori wajah.
- Loose Powder biasanya tidak berwarna dan bersifat translucent. Penggunaan Translucent Loose Powder ni sangat popular kerana ia sesuai dengan semua tona kulit dan ianya membuatkan seolah-olah si pemakai itu tak memakai apa-apa bedak pada wajah.
- Bagi yang mempunyai tona sawo matang, jangan risau jika menggunakan loose powder bersifat translucent ni kerana ia tak akan buat wajah nampak berbelak walaupun pada dasarnya transparent loose powder ni mempunyai warna putih. Ia akan 'melt' dan 'bersatu' dengan kulit dan beri kemasan wajah yang lembut dan natural.
- Loose Powder ni sangat sesuai digunakan sebagai finishing powder dan juga sebagai baking powder.

TIPS SOLEKAN DENGAN MATTE TRANSLUCENT POWDER

- **Sebagai Setting & Finishing Powder**
 - Baur keseluruhan wajah dengan menggunakan puff atau berus selepas pemakaian bedak asas.
 - Fokus kepada bahagian kulit yang berminyak & T-Zone untuk mengawal kilatan sepanjang hari.

- **Sebagai Baking Powder**
 - Oles Matte Translucent Powder pada lingkaran bawah mata untuk 'set' bedak asas atau penyamar noda agar garis-garis kedutan dibahagian mata dapat disembunyikan.
 - 'Bake' selama 5-10 minit sebelum membersihkan lebih bedak tersebut.
 - 'Baking' juga boleh dilakukan pada contour line, dagu dan juga dahi.

- **Sebagai bedak harian (bagi yang tidak bersolek)**
 1. Prep wajah dengan moisturiser terlebih dahulu. Ia bantu untuk melembap dan melembut kulit.
 - 72hr Moistx Ultra Hydrating Gel – kulit berminyak
 - Rose Stem Cell Moisturiser Emulsion – kulit kering
 - Anti Aging Moisturiser – kulit normal
 2. Sapu Pearl Cream ke seluruh wajah untuk beri efek brightening pada kulit dan bantu untuk pudarkan jeragat dan parut jerawat.
 3. Pakai sunscreen untuk lindungi kulit dari sinar UV.
 - UV Defense Cream Matte Sunscreen – kulit berminyak
 - UV Defense Cream Hydrating Tinted Sunscreen – kulit kering
 - UV Cream SPF50++ Hydrafresh Sun Protection Translucent Cream – Semua jenis kulit
 4. Baurkan Matte Translucent Powder ke seluruh wajah untuk bantu samarkan tampilan pori dan garis halus serta mengawal kilatan dan sebum pada wajah.